



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH KELUARGA DALAM MENINGKATKAN KECERDASAN
EMOSI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN
PELAJAR MADRASAH DI ACEH**

HENDRI SUFRIADI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN
(PSIKOLOGI PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



2016
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh keluarga dalam meningkatkan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik. Dalam kajian ini juga melihat pengaruh kecerdasan emosi pada pencapaian akademik pelajar di dua Madrasah Aliyah Negeri di Kota Subulussalam, Aceh, Indonesia. Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan soal selidik. Data penyelidikan ini, diuraikan dengan analisis deskriptif dan inferensi menggunakan SPSS versi 21. Seramai 236 orang pelajar dari dua buah sekolah telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhan pelajar mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi ($m=3.77$), manakala gaya pengasuhan ibu bapa pelajar berada pada tahap sederhana ($m=3.32$). Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pengasuhan ibu bapa dengan kecerdasan emosi pelajar dengan nilai $r=0.324$, $p=0.000$. Pengkaji mendapati tidak ada hubungan signifikan antara tahap pendidikan ibu bapa dan sosioekonomi keluarga dengan kecerdasan emosi pelajar. Daripada lima konstruk kecerdasan emosi, didapati hanya konstruk pengurusan sendiri kecerdasan emosi yang mempengaruhi secara signifikan terhadap pencapaian akademik dengan nilai $R^2=0.048$ dan $p=0.001$. Ini bermakna, konstruk pengurusan sendiri mempengaruhi 4.8% pencapaian akademik. Manakala konstruk kecerdasan emosi kesedaran sendiri, motivasi, empati dan kemahiran sosial didapati tidak ada pengaruh pada pencapaian akademik. Berkaitan pengaruh gaya pengasuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi pada pencapaian akademik pula, didapati hanya kecerdasan emosi sahaja yang mempengaruhi pada pencapaian akademik dengan nilai $R^2=0.041$ dan $p=0.002$. Ini bermakna kecerdasan emosi mempengaruhi 4.1% pencapaian akademik. Kecerdasan emosi didapati ada hubungannya dengan gaya pengasuhan ibu bapa, dan boleh mempengaruhi pencapaian akademik. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya ibu bapa mempertingkatkan lagi gaya pengasuhan bagi anak-anaknya dan kepada guru-guru di sekolah mempertingkatkan kecerdasan emosi pelajar terutama dalam aspek pengurusan sendiri, supaya dapat mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar.



THE INFLUENCE OF FAMILY IN IMPROVING EMOTIONAL INTELLIGENCE AND ACADEMIC ACHIEVEMENT AMONG MADRASAH STUDENTS IN ACEH

ABSTRACT

This study is aimed on identifying the influence of family in improving emotional intelligence and academic achievement. This study also looked at the effect of emotional intelligence on academic achievement among students at two Islamic High Schools of Subulussalam Municipality in Aceh, Indonesia. The method of survey used for this study was by sets as of sets of questionnaire. To analyze the data, the researcher used the SPSS 21 version to find out the descriptive and inferential analysis. A total of 236 students from two schools were selected to conduct this study. The study found that most of the students had a high level of emotional intelligence ($m=3.77$), though parenting styles of the families were at a moderate level ($r=3.32$). There was a significant relationship between parenting styles and emotional intelligence, which was at the value of $r=0.324$, $p=0.000$. The study found that there is no correlation between the education level of the parents and the socioeconomic level of the families with the emotional intelligence of students. From the five emotional intelligence construct, self-management is the only emotional intelligence construct that gave significant impact on the academic achievement with $R^2=0.048$ and $p=0.001$. This means, the self-management construct affected 4.8% of the academic achievement. While, the emotional intelligence construct on self-consciousness, motivation, empathy and social skills, it did not show any improvement on academic achievement. Related to the influence of parental styles and emotional intelligence on academic achievement, it indicated that only emotional intelligence, gives impact to the academic achievement with $R^2=0.041$ and $p=0.002$. This means, the emotional intelligence affected 4.1% of the academic achievement. Emotional intelligence was found to have correlation to the parenting styles, and it can influence academic achievement. Thus, researcher suggested that parents improve their parenting style for their children and the teachers in schools to improve the emotional intelligence of the students, especially in the aspect of self-management, so that to improve students academic achievement.

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	7
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Tujuan dan Objektif Kajian	16
1.5	Soalan Kajian	16
1.6	Hipotesis Kajian	17
1.7	Kepentingan Kajian	18
1.8	Definisi Konsep dan Operasional Kajian	19
1.8.1	Faktor Keluarga	19
1.8.2	Kecerdasan Emosi	20
1.8.3	Pelajar	22
1.8.4	Pencapaian Akademik	23

1.9	Batasan Kajian	23
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	24
1.11	Rumusan	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR **27**

2.1	Pengenalan	27
2.2	Teori-teori Mengenai Kecerdasan Emosional	27
2.2.1	Teori Mayer dan Salovey (1990)	28
2.2.2	Teori Bar-On (2006)	35
2.2.3	Teori Goleman (1995)	38
2.3	Kajian Lepas Dalam Negara	40
2.4	Kajian Lepas Luar Negara	43

2.7	Rumusan	47
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN **48**

3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Tempat Kajian	50
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	51
3.4.1	Populasi Kajian	52
3.4.2	Sampel Kajian	53
3.5	Alat Kajian	56
3.5.1	Soal Selidik Demografi Pelajar	56
3.5.2	Soal Selidik Gaya Pengasuhan Ibu Bapa	56
3.5.3	Soal Selidik Kecerdasan Emosi	58

3.6	Pengumpulan Data	61
3.7	Analisis Data	61
3.7.1	Analisis Deskriptif	62
3.7.2	Analisis Inferensi	63
3.8	Kajian Rintis	65
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	66
3.10	Rumusan	68

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 69

4.1	Pengenalan	69
4.2	Profil Responden	70
4.2.1	Profil Responden Mengikut Jantina	70
4.2.2	Profil Responden Mengikut Sekolah	71
4.2.3	Profil Responden Mengikut Pencapaian Akademik	71
4.2.4	Profil Responden Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa	72
4.2.5	Profil Responden Mengikut Tahap Pendidikan Ibu Bapa	73
4.2.6	Profil Responden Mengikut Tahap Sosioekonomi	73
4.3	Dapatan Kajian	74
4.3.1	Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar	75
4.3.1.1	Tahap kecerdasan emosi pelajar mengikut konstruk kesedaran sendiri	76
4.3.1.2	Tahap kecerdasan emosi pelajar mengikut konstruk pengurusan sendiri	78
4.3.1.3	Tahap kecerdasan emosi pelajar mengikut konstruk motivasi	80
4.3.1.4	Tahap kecedasan emosi pelajar mengikut konstruk empati	82

4.3.1.5	Tahap kecerdasan emosi pelajar mengikut konstruk kemahiran sosial	84
4.3.2	Tahap Gaya Pengasuhan Ibu Bapa	86
4.3.3	Hubungan Antara Tahap Pendidikan Ibu Bapa Dengan Kecerdasan Emosi Pelajar	90
4.3.4	Hubungan Antara Gaya Pengasuhan Ibu Bapa Dengan Kecerdasan Emosi Pelajar	91
4.3.5	Hubungan Antara Sosioekonomi Dengan Kecerdasan Emosi Pelajar	92
4.3.6	Pengaruh Konstruk Kecerdasan Emosi ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar	93
4.3.7	Pengaruh Gaya Pengasuhan Ibu Bapa dan Kecerdasan Emosi ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar	95
4.4	Rumusan	97

5.1	Pengenalan	98
5.2	Ringkasan	99
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	100
5.3.1	Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar dan Tahap Gaya Pengasuhan Ibu Bapa	100
5.3.2	Hubungan Antara Tahap Pendidikan Ibu Bapa, Gaya Pengasuhan Ibu Bapa dan Sosioekonomi Dengan Kecerdasan Emosi Pelajar	103
5.3.3	Pengaruh Konstruk Kecerdasan Emosi, Gaya Ibu Bapa dan Kecerdasan Emosi ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar	105
5.4	Implikasi Kajian	107
5.4.1.	Implikasi Kepada Kementerian Pelajaran	107
5.4.2	Implikasi Kepada Jabatan Pelajaran	108
5.4.3	Implikasi Kepada Guru-guru di Sekolah	109



5.4.4 Implikasi Kepada Ibu Bapa Dalam Keluarga

110

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

110

5.6 Rumusan

112

RUJUKAN

114

LAMPIRAN

Lampiran A Surat Pengesahan

Lampiran B Soal selidik

Lampiran C Output SPSS



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Kerangka Model Kecerdasan Emosi Salovey (1997)	34
3.1 Jumlah Populasi Mengikut Sekolah/Madrasah, Jantina dan Kelas	52
3.2 Sub Skala dan Item-Item Kecerdasan Emosi	60
3.3 Interpretasi Skor Min Pencapaian Akademik Pelajar	62
3.4 Interpretasi Skor Min Kecerdasan Emosi dan Gaya Pengasuhan Ibu Bapa	63
3.5 Analisis yang Akan Dijalankan Mengikut Hipotesis Kajian	64
3.6 Tahap Kebolehpercayaan/ <i>Cronbach Alpha</i>	67
3.7 Dapatan Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Mengikut Konstruk Soal Selidik Dalam Kajian Rintis	68
4.1 Profil Responden Mengikut Jantina	70
4.2 Profil Responden Mengikut Sekolah	71
4.3 Profil Responden Mengikut Pencapaian Akademik	72
4.4 Profil Responden Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa	72
4.5 Profil Responden Mengikut Tahap Pendidikan Ibu Bapa	73
4.6 Profil Responden Mengikut Tahap Sosio Ekonomi	74
4.7 Min dan Sisihan Piawai Kecerdasan Emosi	75
4.8 Min dan Sisihan Piawai Kecerdasan Emosi Konstruk Kesedaran Kendiri	77
4.9 Min dan Sisihan Piawai Kecerdasan Emosi Konstruk Pengurusan Kendiri	79
4.10 Min dan Sisihan Piawai Kecerdasan Emosi Konstruk Motivasi	81
4.11 Min dan Sisihan Piawai Kecerdasan Emosi Konstruk Empati	83
4.12 Min dan Sisihan Piawai Kecerdasan Emosi Konstruk Kemahiran Sosial	85
4.13 Min dan Sisihan Piawai Tahap Gaya Pengasuhan Ibu Bapa	87
4.14 Hubungan Tahap Pendidikan Ibu Bapa Dengan Kecerdasan Emosi	90

4.15	Hubungan Gaya Pengasuhan Ibu Bapa Dengan Kecerdasan Emosi	91
4.16	Hubungan Sosioekonomi Dengan Kecerdasan Emosi	92
4.17	Dapatan Analisis Regresi Linear Pelbagai Pengaruh Konstruk Kecerdasan Emosi Pada Pencapaian Akademik	94
4.18	Dapatan Analisis Regresi Linear Pelbagai Pengaruh Gaya Pengasuhan Ibu Bapa dan Kecerdasan Emosi Pada Pencapaian Akademik	96

**No. Rajah****Muka Surat**

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	24
2.1	Model dan Konsep Kecerdasan Emosi Mayer dan Salovey 1990	33
2.2	Komponen-Komponen Skala Komposit dan Sub Skala Kecerdasan Emosi Bar On	37
3.1	Prosedur Persampelan Berkelompok Rawak Untuk Memilih Sampel Penyelidikan	55





BAB 1

PENDAHULUAN



Pada zaman moden ini pemikiran manusia dalam bidang ilmu pengetahuan semakin laju dan berkembang sama ada sains ekonomi, matematik, politik, sosial dan sains khususnya seperti pemikiran mengenai ilmu sosial yang berhubung kait dengan akal, fikiran, kecerdasan intelektual dan kecerdasan emosi. Perkembangan kecerdasan manusia tidak terlepas daripada akal dan fikiran yang dipunyainya kerana akal dan fikiran merupakan potensi asas dalam mengembangkan berbagai-bagai ilmu.

Menurut Azizi Yahaya (2007), manusia adalah makhluk ciptaan Allah SWT yang sempurna dan yang membezakannya dengan makhluk-makhluk lain di muka bumi ini adalah pengurniaan akal dan fikiran yang baik. Melalui akal fikiran inilah berkembangnya emosi manusia seiring dengan peredaran masa.



Kecerdasan emosi ialah suatu kemahiran yang dipunyai seseorang dalam memahami diri dan orang lain yang dikenali dengan istilah intrapersonal dan interpersonal (Gardner 1993). Oleh itu, dapat di takrifkan bahawa kecerdasan emosional adalah kemampuan seseorang untuk mengenali emosi diri, mengurus emosi diri, memotivasi diri sendiri, mengenal emosi orang lain (empati) dan kemampuan untuk membina hubungan sosial dengan orang lain.

Emosi dan perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Perkataan emosi berasal dari perkataan Greek “emovere” yang membawa maksud ‘untuk keluar’. Emosi akan ditonjolkan keluar sebagai satu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang. Emosi boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi (Mahmood Nazar Mohamed, 1992).

Apabila dikaji dengan lebih mendalam lagi, perasaan dan emosi adalah penting untuk kesejahteraan dan kebahagiaan serta keselarasan ruang lingkup hidup. Oleh itu, kecenderungan dalam mengawal emosi dengan baik adalah faktor penentu kecemerlangan sesuatu urusan sama ada secara personal mahupun profesional (Goleman, 1995).

Menurut Goleman (1995) juga, tahap kecerdasan emosi individu adalah merupakan faktor utama kepada penentuan kejayaan individu itu, terutamanya pelajar. Dalam bukunya *Emotional Intelligence*, Goleman (1995:44) berpendapat bahawa

kecemerlangan individu adalah bergantung kepada 20% daripada kecerdasan intelek dan 80% lain lagi bergantung kepada pengurusan emosi secara berkesan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa tahap pengurusan emosi yang baik adalah faktor yang amat diperlukan dalam kehidupan individu untuk berjaya.

Pada zaman moden ini cabaran dalam mengembangkan emosi ke arah yang lebih baik adalah tidak mudah kerana diperlukan kemampuan penyesuaian diri dengan berbagai-bagai perkara dan masalah yang baharu. Cara penyelesaian masalah ini banyak bergantung kepada pengalaman yang telah sedia ada pada diri individu itu sendiri melalui proses interaksi dengan persekitarannya sebelum itu dan pastinya dengan kemahiran kecerdasan emosi yang memadai pula. Di antara upaya yang boleh dilakukan dalam meningkatkan kemahiran emosi adalah dengan upaya mengelola energi emosi, iaitu menerima dan merasakan emosi yang dialami (jangan menyangkalnya), dapatkan informasi atau umpan balik sebalik emosi yang dirasakan dan halakan atau refleksikan energi emosi menjadi respon atau reaksi yang tepat dan konstruktif (Coper & Sawwaf, 2000).

Oleh itu, kepada setiap individu diperlukan memiliki kemahiran kecerdasan emosional yang cukup untuk boleh mencapai kejayaan dalam berbagai-bagai bidang, termasuk dalam bidang pendidikan. Mohd. Azhar Abd. Hamid (2004) menyatakan bahawa kecerdasan emosi sangat penting dalam menghadapi berbagai-bagai penyakit mental seperti yang dihadapi oleh negara-negara maju, iaitu Amerika Syarikat, Jerman, Perancis dan Britain. Pelbagai gejala kecelaruan sosial terjadi pada masyarakat dunia sama ada dalam keluarga, sekolah mahupun masyarakat yang telah hilang kemanusiaannya. Oleh itu sangat perlu dikawal emosi, melalui proses



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

pendidikan formal, non-formal dan informal. Dalam proses ini seseorang akan berbaaur dengan individu lain dengan berbagai-bagai ragam latar belakang peribadi, budaya, kepercayaan pengalaman dan ekspektasi. Kecerdasan ini sebenarnya dapat dipupuk dengan baik sejak seseorang masih lagi kanak-kanak dalam kehidupan keluarganya.

Kecerdasan emosi merupakan salah satu faktor penentu bagi kejayaan dan keberhasilan seseorang. Banyak orang tidak boleh mencapai kejayaan kerana ia tidak memiliki kecerdasan emosi atau EQ (*emotional quotient*) yang sepadan. Telah banyak berlaku pada orang yang telah memiliki kemahiran intelek atau IQ (*intelligence quotient*) yang sangat tinggi tetapi tidak berjaya dalam menjalani kehidupannya kerana ia tidak menguasai kecerdasan emosi atau EQ yang memadai. Agustian (2002)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

menyatakan dapatan dari hasil ujian IQ, kebanyakan orang dengan IQ tinggi menunjukkan kerja yang buruk berbanding orang yang memiliki IQ yang sederhana.

Kemahiran kecerdasan emosi bukanlah lawan kemahiran kecerdasan intelek atau keterampilan kognitif, tetapi kedua-duanya berinteraksi secara bersamaan, baik pada tahapan konseptual mahupun pada perkara yang nyata (Shapiro, 1998). Kedua-duanya saling mendukung antara satu dengan lainnya. Seseorang perlu arif dalam menggabungkan untuk mencapai kejayaan.

Dalam bidang pendidikan atau sekolah khasnya kepada pelajar sangatlah penting diberikan pemahaman yang memadai tentang kecerdasan emosi untuk mendukung dan memberi pengaruh pada kecemerlangan akademiknya dan keberhasilannya pada masa hadapan. Sebagaimana di lihat sendiri pada zaman yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

telah maju ini banyak perkara yang sepatutnya tidak diperbuat oleh pelajar tetapi telahpun terjadi. Seperti pelajar yang terpengaruh dadah, pelajar yang terlibat perkelahian, pencapaian akademik yang rendah, tidak lulus ujian dan masih banyak perkara lainnya yang patut di perhatikan dan di elakkan terutama sekali bagi ibu bapa dalam keluarga dan guru di sekolah (Lewkowicz, 1999).

Lebih mendalam lagi, fenomena yang berlaku kepada pelajar kini ialah mereka susah dalam mengurus emosinya atau bersikap agresif seperti kasar kepada orang lain, kerap bertengkar, berkawan dengan pelajar-pelajar yang bermasalah, tidak patuh, terlalu banyak bicara, suka mengolok-olok dan suasana hatinya kerap sekali berubah-ubah. Selain itu bagi pelajar-pelajar yang memasuki masa remaja di sekolah banyak yang merasa bimbang dan depresi, hal tersebut diperlihatkan dengan peri laku seperti merasa takut, sering merasa gugup dan sedih serta merasa seperti tidak dicintai oleh orang-orang di persekitarannya. Dalam pergaulan sosial banyak pelajar yang menarik diri dari pergaulan itu seperti lebih suka menyendiri, bersikap sembunyi-sembunyi, bermuka muram dan kurang bersemangat, merasa tidak bahagia dan terlalu bergantung kepada sesuatu. Permasalahan lain mengenai kecerdasan emosi ialah ramai pelajar yang susah untuk memberi fokus dengan baik atau duduk dengan tenang dalam proses pembelajaran, pelajar sering melamun, tidak bertindak dengan berfikir terlebih dahulu, serta tidak boleh menenangkan fikirannya sendiri (Lewkowicz, 1999).

Pemahaman tentang kecerdasan emosi kepada pelajar tidak diberi dengan mudah. Kita mesti tahu dan faham dengan berbagai-bagai corak dan peri laku pelajar serta bagaimana membina kecerdasan emosional yang bersesuaian dengan para pelajar. Keberkesanan dalam penerapan kecerdasan emosional bagi pelajar boleh berlaku dengan baik dan dapat memberi pengaruh dalam meningkatkan pencapaian

akademiknya. Pemahaman tentang latar belakang keluarga dalam meningkatkan kecerdasan emosi adalah salah satu cara dalam membantu pelajar dalam membangun kematangan emosinya.

Kegagalan pelajar dalam bidang akademik serta berkelakuan yang tidak menepati norma-norma di sekolah mahupun di masyarakat adalah disebabkan oleh kekurangan salah satu bidang kecerdasan emosi, iaitu kecerdasan interpersonal. Hollin (1993) menyatakan bahawa salah satu kemahiran utama yang perlu dipelajari sepanjang perkembangan seseorang kanak-kanak ialah membentuk kemahiran komunikasi yang berkesan dengan orang lain.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2000) menyatakan bahawa manusia hendaklah mengenali manusia-manusia lain, seperti siapa sebenarnya mereka itu, siapa diri mereka, apa yang mereka fikirkan, apa yang mereka rasakan, dan macam-macam lagi maklumat yang berkenaan manusia-manusia lain yang ada di sekeliling mereka. Manusia juga berkomunikasi kerana mereka hendak memahami segala kejadian dan peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Sebahagian daripada peristiwa itu berlaku ke atas diri mereka sendiri, sebahagiannya berlaku ke atas diri teman-teman mereka, manakala sebahagian lagi berlaku ke atas orang-orang lain. Dengan membina kemahiran berkomunikasi (interpersonal) mereka berharap dapat memahami alam sekeliling dan kehidupan yang akan dilaluinya. Keupayaan memahami orang-orang lain dan keadaan mereka daripada sudut pandangan mereka itu sendiri adalah sangat penting apabila hendak berempati dengan orang-orang yang akan kita motivasikan. Kemahiran interpersonal ini merupakan satu dimensi daripada kecerdasan emosi yang dominan.

Mengikut huraian sudah sepatutnya di buat suatu kajian tentang pengaruh keluarga dalam meningkatkan kecerdasan emosi, sehingga boleh memberi kesan yang cemerlang bagi pencapaian akademik para pelajar. Dalam kajian ini akan membincang tentang pengaruh keluarga dalam meningkatkan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kecerdasan intelektual merupakan suatu kecerdasan yang dimiliki setiap orang yang normal dengan taraf yang tidak sama. Mok Soon Sang (2010) menyatakan, individu yang cerdas daripada orang normal ialah individu yang mempunyai darjah kecerdasan melebihi 100. Manakala, individu yang kurang cerdas didapati mempunyai darjah kecerdasan kurang daripada 100. Kanak-kanak yang normal merujuk kepada individu yang mempunyai darjah kecerdasan 100, iaitu umur mental kanak-kanak sama dengan umur sebenarnya.

Sebelum istilah kecerdasan emosional popular pada masyarakat am, terlebih dahulu orang sudah mengenal kecerdasan intelektual. Secara am orang menganggap bahawa kecerdasan intelektual merupakan penentu bagi kejayaan seseorang dalam mencapai cita-citanya.

Banyak negara yang menjadikan kecerdasan intelektual sebagai suatu standard atau penentu bagi kemampuan seseorang untuk boleh menduduki satu jabatan, untuk



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

boleh masuk universiti, untuk boleh bekerja dan lain-lain lagi. Keadaan semacam ini masih dominan di Malaysia dan di Indonesia yang dilakukan dalam berbagai-bagai tahap ujian untuk memasuki pengajian tinggi tertentu atau posisi tertentu dalam pemerintahan dan swasta.

Kecerdasan intelek adalah faktor utama bagi manusia untuk boleh berjaya dibandingkan dengan makhluk lain. Manusia boleh menakluk alam dengan kecerdasan intelektual dan emosional. Hal ini dapat di lihat bagaimana manusia berjuang dalam mempertahankan kehidupannya. Sebahagian di antaranya berladang, berternak, melaut, berdagang dan lain-lain kemahiran. Manusia lakukan perkara-perkara tersebut bukan dengan naluri begitu sahaja, akan tetapi menggunakan kecerdasan intelektualnya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bagi manusia yang mempunyai kecerdasan intelek yang tinggi, maka ia akan lebih mudah dalam mencapai apa yang diharapkan, berbanding manusia yang kecerdasan intelektualnya kurang atau di bawah normal. Dalam dunia pendidikan sebahagian orang beranggapan bahawa pelajar yang mempunyai IQ tinggi akan berada pada pencapaian akademik yang tinggi. Anggapan ini tidak semestinya benar. Ketika seorang pelajar yang hendak mendapatkan pekerjaan, misalnya dia mungkin beranggapan akan mudah mendapatkannya kerana ia memiliki pencapaian akademik yang tinggi. Terlebih lagi ada sebahagian syarikat yang bekerja sama dengan universiti, mereka mengutamakan tenaga kerja terbaik dengan IQ yang tinggi. Andaian masyarakat am seperti itulah yang menganggap orang yang memiliki IQ tinggi akan mendapatkan kehidupan cemerlang dan berjaya. Dalam kenyataan tidak



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

selamanya demikian kerana seseorang baru berjaya kalau dia boleh menggabungkan kedua-dua *soft skill* tersebut.

Blackpepper (2013) mengikut hasil temuan kajian Alfred Binet, seorang ahli psikologi yang menemukan metod kajian IQ atau kecerdasan intelektual pada tahun 1905. Kaedah bagaimana mengukur tahap/taraf intelek seseorang yang dikenal ujian IQ test (*Test IQ*), yang diperkenalkan oleh pakar psikologi ini. Ketika test tersebut dijalankan pada masa itu, orang yang mendapat markah di bawah 50 bermakna ia bodoh dan yang mendapat markah 90 sampai dengan 110 bermakna normal. Blackpepper menyatakan bahawa 48% penduduk dunia menduduki taraf IQ normal, sementara orang-orang yang memiliki taraf IQ di atas 140 dinyatakan sebagai genius.

Pada tahun 1995, Daniel Goleman memberi perubahan pandangan terhadap konsep kecerdasan intelektual tersebut dengan ditemuinya teori kecerdasan emosional (EQ). Hasil kajiannya dapat dibaca dalam bukunya tentang kecerdasan emosi. Dapatan kajiannya itu telah merubah paradigma atau andaian masyarakat am dunia yang hanya menganggap IQ sebagai faktor utama untuk keberhasilan orang.

Mengikut survey dan kajian yang telah dibina Daniel Goleman bagi orang-orang yang berjaya di dunia (*Emotional Quotient Inventory*) diperoleh bahawa IQ hanya menyumbang 20% bagi kejayaan seseorang dan 80% lagi disumbang oleh faktor-faktor kecerdasan lainnya (Goleman, 1995). Kecerdasan lainnya di sini ialah faktor-faktor daripada kecerdasan emosi yang mencukupi kebolehan dalam memahami, mengawal dan memotivasi emosi diri, serta berempati dan berhubungan dengan orang lain.



Mengikut hasil kajian daripada pakar dan ahli mengenai kecerdasan emosi atau EQ adalah penting bagi para pendidik, konsoler, penggubal kurikulum, penyedia bahan pelajaran dan semua pihak yang terlibat dalam pendidikan untuk menempatkan kecerdasan emosi pada posisi yang tepat dan dikaitkan dengan kecerdasan lainnya yang telah disebutkan. Kecerdasan emosi merupakan suatu perkara yang mesti dimiliki oleh pelajar, guru, kaki tangan awam dan pihak-pihak lainnya yang berhubung kait dengan pendidikan. EQ merupakan suatu faktor penting dalam usaha membina manusia untuk berjaya secara individu, kelompok, masyarakat, bangsa ataupun negara.



1.3

Pernyataan Masalah



Faktor keluarga dalam meningkatkan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar perlu dibina secara berkesan usia kanak-kanak lagi hingga dapat memberi pengaruh pada pencapaian akademik pelajar. Pembinaan kecerdasan emosi sangat diperlukan kerana kecerdasan intelek menyumbang 20% sahaja bagi kejayaan individu. Antara faktor-faktor lain di luar kecerdasan intelek yang menyumbang 80% daripada pemangkin kejayaan individu ialah kecerdasan emosi, iaitu kemampuan melakukan motivasi diri sendiri, mengatasi kekecewaan, mencari penyelesaian semasa menghadapi kebimbangan, mengawal perasaan, kemampuan menunjukkan rasa empati dan kemampuan bekerjasama (Goleman, 2000:44). Banyak kajian membuktikan bahawa individu yang mempunyai kecerdasan emosi tinggi akan mampu mencapai kejayaan akademik yang lebih tinggi seperti kajian yang dijalankan oleh Naning et al. (2009),



Iman (2010), dan Diana (2013) yang mendapati adanya pengaruh yang positif dan signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik. Kejayaan akademik itu tidak dapat dicapai begitu sahaja, akan tetapi ia satu proses panjang yang dimulai daripada keluarga dan dilanjutkan di lembaga pendidikan (dari tadika sehingga ke peringkat pengajian tinggi).

Setiap ibu bapa mestilah bertindak bijak dan arif dalam membimbing anak-anak semasa dalam lingkungan keluarga. Keluarga yang harmonis akan melahirkan dan memupuk anak-anak dalam mengawal dan memberi kecerdasan akademik dengan emosi. Perkara tersebut boleh terbina apabila ibu bapa memahami konsep kecerdasan emosi dan boleh menerapkan pada dirinya sendiri sebagai ibu bapa sebelum diterapkan pada anak-anak dalam keluarga.

Seiring dengan peredaran masa yang semakin kian pantas, pada era moden kini begitu banyak ibu bapa yang lalai bahkan lupa kepada perlunya pembinaan kecerdasan emosi bagi dirinya dan keluarganya, sehingga tidak dapat meluangkan masa yang cukup dengan keluarga. Perkara ini sangat berbahaya terutama bagi perkembangan kanak-kanak, kerana pada usia ini kanak-kanak masih lagi menjalani pendidikan yang sangat memerlukan sokongan ibu bapa. Banyak keluarga yang berjaya dari segi ekonomi dan status sosial, namun gagal dalam membina anak-anak mereka kerana kelalaian daripada pihak ibu bapa terhadap perkembangan kecerdasan emosi dan intelektualnya.

Rendahnyanya perasaan kasih sayang, kurangnya perhatian yang dalam terhadap pertumbuhan anak-anak, kurangnya rasa empati untuk anak yang telah menyebabkan

anak-anak membesar dengan perasaan ragu dan tiada kepastian. Mereka perlu dilatih dan dibimbing bagaimana “mengurus dan mengawal semua kecerdasan” yang berhubung kait dengan emosi. Keluarga adalah tempat pertama bagi anak-anak untuk belajar dan berinteraksi untuk mengembangkan dirinya, terutama sekali dalam bidang mental dan emosinya. Goleman dalam Gottman dan DeClaire (1997) menyatakan bahawa kehidupan keluarga merupakan lembaga “sekolah” anak-anak yang pertama untuk belajar memahami, mengurus dan memotivasi emosi serta berhubung dan memahami emosi orang lain.

Lebih dalam lagi Gottman dan DeClaire (1997) mendefinisikan keluarga atau ibu bapa yang gagal dalam membina kecerdasan emosi bagi anak-anaknya, iaitu:

i) Ibu bapa yang mengabaikan

Gaya ibu bapa ini ialah ibu bapa yang tidak menghiraukan, menganggap senyap atau meremehkan emosi negatif yang ada pada anak-anak mereka. Rendahnya perhatian ibu bapa kepada perkembangan emosi anak telah menyebabkan anak mencari penyelesaian sendiri dalam menghadapi masalah yang melibatkan emosi.

ii) Ibu bapa yang tidak mensetujui

Ibu bapa ini bersifat kritis terhadap ungkapan perasaan negatif daripada anak-anak mereka dan kerap memarahi atau menghukum mereka kerana mengungkapkan emosinya. Dengan demikian kanak-kanak tidak memiliki saluran ke mana mereka dapat meluahkan perasaan atau emosi mereka. Dalam banyak kajian, anak-anak yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
 dibesarkan dalam keluarga ini akan meniru sikap ibu-bapa mereka dengan mengawal emosi mereka secara meniru tingkahlaku ibu bapa mereka.

iii) Ibu bapa laissez-faire

Keluarga seperti ini ialah ibu bapa yang menerima emosi anak-anak mereka dan berempati dengan mereka, tetapi tidak memberikan bimbingan atau menentukan batas-batas pada tingkah laku anak mereka. Anak-anak menjadi “ragu” dalam menentukan sikap ketika menghadapi masalah.

Kajian lepas di luar negara (Namdar et al., 2008, Grundman, 2010, Harod dan Sceer, 2012) dan kajian di Indonesia (Alhamri dan Fakhurrazi, 2009, Agustin, 2012) menunjukkan antara faktor-faktor dalam keluarga yang mempengaruhi kecerdasan emosi adalah gaya ibu bapa, tahap sosio ekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa. Kajian Namdar et al., (2008) menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan tahap sosio ekonomi keluarga. Kajian Harod dan Scheer (2012) mendapati wujud hubungan positif antara tahap pendidikan ibu bapa dan pendapatan keluarga (tahap sosio ekonomi keluarga) terhadap kecerdasan emosi pelajar juga mempengaruhi perkembangan emosi anak-anak.

Kajian yang dijalankan Alhamri dan Fakhurrozi (2009), Agustin (2012) di Indonesia mendapati wujud hubungan yang signifikan antara gaya ibu bapa dengan kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah. Kajian di luar negara seperti kajian Grundman (2010) juga menunjukkan gaya ibu bapa mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak.